



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

14 RANGKAIAN PENGEDAR AKSESORI TELEFON TIRUAN DISERBU PENGUAT KUASA KPDN

PUTRAJAYA, 22 OKTOBER 2024 – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah melakukan serbuan ke atas 14 buah premis berasingan di sembilan buah negeri iaitu di Kuala Lumpur, Selangor, Melaka, Negeri Sembilan, Johor, Perak, Pahang, Kedah dan Pulau Pinang kerana disyaki menjual pelbagai jenis aksesori telefon bimbit disyaki tiruan pada minggu lalu.

Operasi yang dilakukan secara bersepadu oleh anggota penguat kuasa KPDN Putrajaya bersama pejabat KPDN Negeri yang berkaitan adalah hasil aduan diterima daripada wakil pemilik cap dagangan berdaftar yang berkaitan serta risikan awal yang telah dilakukan oleh pihak KPDN.

Hasil maklumat awal yang diperolehi, kesemua premis terbabit disyaki membekalkan aksesori telefon bimbit tiruan dengan berselindung di sebalik syarikat yang membekalkan aksesori telefon asli, melibatkan pemilikan oleh syarikat yang sama di seluruh negara.

Hasil pemeriksaan lanjut ke atas semua premis terbabit, pegawai penguat kuasa telah menemukan sejumlah 2,600 unit pelbagai jenis aksesori telefon bimbit yang disyaki dipakaikan cap dagangan secara salah di bawah Akta Cap Dagangan 2019 [Akta 815]. Kesemua aksesori telefon bimbit tersebut bersama beberapa dokumen perniagaan lain telah disita bagi tujuan siasatan dengan nilai rampasan keseluruhan dianggarkan berjumlah RM65,000.00.

13 kertas siasatan telah dibuka bagi siasatan lanjut kerana disyaki melakukan kesalahan di bawah subseksyen 102(1)(c) Akta Cap Dagangan 2019 iaitu mempunyai dalam milikan, jagaan atau kawalannya bagi maksud perdagangan apa-apa barang yang suatu cap dagangan berdaftar dipakaikan dengan salah.

Jika disabitkan kesalahan berkaitan pemakaian cap dagang secara salah, suatu pertubuhan perbadanan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM15,000.00 bagi setiap unit barang yang dipakaikan dengan salah cap dagangan berdaftar itu, atau RM30,000.00 bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya. Manakala bagi bukan suatu pertubuhan perbadanan boleh didenda

tidak melebihi RM10,000.00 bagi setiap unit barang yang dipakaikan dengan salah cap dagangan berdaftar atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga (3) tahun atau kedua-duanya dan didenda tidak melebihi RM20,000.00 bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima (5) tahun atau kedua-duanya.

Selain itu, syarikat ini juga akan disiasat di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA 2001) [Akta 613] iaitu kesalahan pengubahan wang haram bagi tujuan mengesan, membeku, menyita serta sehingga ke peringkat pelucutan hak ke atas apa-apa hasil pendapatan atau harta yang dijana daripada aktiviti haram penyelewengan berkaitan cap dagangan.

Jika disabitkan dengan kesalahan di bawah Akta 613 ini boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 15 tahun dan juga boleh didenda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan itu pada masa kesalahan itu dilakukan atau lima juta ringgit yang mana yang lebih tinggi.

KPDN ingin memberikan amaran kepada mana-mana pihak agar tidak menjual barangan yang tidak mendapat kebenaran pemilik cap dagangan berdaftar yang sah kerana ianya merupakan suatu kesalahan yang serius. Selain itu, pengguna turut dinasihatkan agar sentiasa berhati-hati dan tidak menyokong aktiviti penjualan barangan tiruan kerana boleh mengakibatkan kerugian kepada rakyat dan negara serta dikhuatiri boleh mengancam keselamatan pengguna itu sendiri.

Sekiranya orang ramai mempunyai sebarang maklumat berhubung aktiviti penjualan barangan tiruan boleh melaporkan kepada pihak KPDN bersama butiran yang lengkap dan tepat melalui saluran berikut:

- i. WhatsApp 019-848 8000;
- ii. Portal e-Aduan KPDN iaitu <http://eaduan.kpdn.gov.my>;
- iii. Call Centre 1-800-886-800; dan
- iv. Aplikasi Telefon Pintar Ez ADU KPDN.

DATUK AZMAN BIN ADAM

Ketua Pengarah Penguat Kuasa
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup

###